

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAST)
DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES

SkillsMalaysia Journal

Pengukuran Pencapaian Holistik: Sorotan Literasi Matrik Pengembangan Nilai Pelajar Bagi Sektor Pendidikan Latihan Teknikal & Vokasional (PLTV)

Zulkifli B. Mohd Sidi¹, Mohd Nor B. Mamat²

^{1,2} Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

Abstrak

Pengukuran pencapaian pelajar wajar ditaksirkan secara menyeluruh mencakupi bukan sahaja nilai jasmani dan intelektual sahaja malah nilai kerohanian juga perlu diambil kira. Pentaksiran pencapaian pelajar sektor PLTV sinonimnya pendidikan latihan kemahiran vokasional untuk menghasilkan tenaga kerja mahir sentiasa menumpukan kepada komponen psikomotor sahaja. Kertas ini secara sorotan literasi mengemukakan pengembangan konseptual dengan keseimbangan nilai dalam membantu penambahbaikan kaedah pentaksiran. Sorotan bermula dengan pegangan asas kepada faktor Agama Islam sebagai model pembangunan modal insan holistik. Sorotan mendapati pembangunan modal insan wajar mengenalpasti punca kepada kebolehan membuktikan pencapaian secara ekstrinsik. Pembuktian aspek kerohanian (perasaan dan emosi) wajar dizahirkan dalam bentuk tindakan. Manakala aspek intelektual dan jasmani (kemahiran) ditafsirkan menerusi item pengujian. Matrik keseimbangan membantu dalam pembangunan mengenalpasti potensi pelajar secara menyeluruh sebagai instrumen mengutip maklumat keberkesanan proses P&P dengan ciri-ciri holistik.

Kata kunci: pengukuran pencapaian holistik, matrik keseimbangan pencapaian, sektor PLTV, proses P&P.

Pengenalan

Pembangunan sektor Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) di Malaysia bermula sejak lebih 40 tahun yang lepas dan kini berkembang kepada lebih 500 institusi latihan berteraskan vokasional (UPE, 2015). Sektor PLTV merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan negara yang berteraskan teknikal dan vokasional kepada penjaan tenaga kerja mahir negara. Sektor ini telah berjaya merealisasikan agenda negara dengan menjadi pemain utama kepada perkembangan sosio-ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) (UPE, 2015).

PLTV adalah sebuah sistem pendidikan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan, memiliki kemahiran teknikal, dapat menyesuaikan diri dengan inovasi, faham kaedah kontemporari dan saintifik, mahir menyelesaikan permasalahan dan berkemampuan untuk menghasilkan produk, perkhidmatan di samping membuat keputusan dengan tepat (Azman & Mustapha, 2014).

Keupayaan sistem dalam sektor PLTV di peringkat nasional mempengaruhi secara langsung ke atas sistem penyampaian latihan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) iaitu aktiviti yang menghubungkan pengajar dan pelajar kepada satu titik temu melalui mata pelajaran (subjek) (Langgulong, 2001).

Pengukuran Pencapaian Pelajar

Menurut Lynch (2001) pengukuran pencapaian dilaksanakan menggunakan sesi pengujian yang boleh dilakukan menerusi kaedah pentaksiran (*assessment*) dan penilaian (*evaluation*). Pengukuran dapat ditafsirkan sebagai satu proses mendapatkan maklumat bersifat kuantitatif penting untuk memberikan penjelasan berbentuk numerik (angka atau nombor) (Miller et al., 2009). Angka dan nombor pula adalah indikator boleh ukur (*measurable*) ke atas tahap pencapaian pelajar setelah proses P&P.

Keberhasilan sesi P&P pula diukur menerusi indikator sebagai keberkesanan latihan yang dilaksanakan dan adalah sumber maklumat penting kepada seluruh *stakeholder* berkenaan (Saunders et al., 2005). Indikator tipikal keberkesanan pula bergantung kepada pengukuran pencapaian pelajar, kemajuan penyampaian pengajar dan kualiti kurikulumnya yang disediakan (Langgulong, 2001). Oleh itu, kajian bersetuju dengan pandangan Long (2000) dan Miller et al., (2009) dengan mekanisma pengujian yang sinonim dengan proses P&P. Mereka menegaskan bahawa di dalam proses P&P terdapat satu pusingan wajib dikenali kitaran maklum balas keberkesanan. Proses pentaksiran pula adalah pengutipan maklumat daripada para pelajar bagi tujuan pengajar membuat susulan ke atas kekurangan, kesilapan dan pembedahan dalam meningkatkan pencapaian pelajar di atas kelangsungan sistem latihan.

Dalam konteks keberhasilan proses P&P latihan, pengujian dilaksanakan secara *formatif* dan *sumatif* (Ecclestone, 2009). Pengujian *formatif* dilakukan bagi mengukur pencapaian kompetensi pelajar secara berterusan, di mana pengajar terus dapat membuat tindakan susulan dalam memperbaiki pencapaian pelajar. Manakala pengujian *sumatif* pula merupakan salah satu mekanisma mendapatkan maklumat pencapaian kompetensi keseluruhan pelajar seperti dikehendaki *standard* atau objektif pembelajaran yang ditetapkan.

Konsep Teoritik

Kompetensi seseorang pelajar mempunyai kebergantungan kepada kebolehan (*ability*) individu tersebut bertindak, melakukan gerak kerja atau melaksanakan sebarang tugas (*task*) manipulatif dengan baik. Manakala pencapaian kompetensi dapat ditafsirkan sebagai mendapatkan maklumat menerusi sifat pengukuran dalam menghasilkan satu interpretasi maklumat (Dreyfus & Dreyfus, 1980). Interpretasi dalam pengukuran pencapaian disenarai seperti berikut:

i) Keberhasilan (*outcomes*) Pembelajaran

Dalam sistem pendidikan dan latihan keberhasilan diutamakan bagi mencakupi tiga elemen penting bagi menentukan tahap kecekapan pencapaian. Tiga elemen tersebut ialah, i) pengetahuan (*knowledge*); ii) kemahiran (*skills*); dan iii) sikap (*attitudes*). Keberhasilan kompetensi pencapaian pengetahuan dapat mengukur “apa yang anda tahu”, pencapaian kemahiran pula dapat mengukur “apa yang anda boleh buat”, manakala pencapaian sikap menyumbang kepada “apa kecenderungan anda boleh buat”. Elemen pengukuran kompetensi wajar mencakupi nilai-nilai seperti dipaparkan dalam *Jadual 1*,

Jadual 1: Elemen Keberhasilan Pembelajaran (JPK, 2012)

Elemen Pengukuran Keberhasilan Pelajar	Pengetahuan (<i>Knowledge – K</i>)	Kemahiran (<i>Skills – S</i>)	Sikap (<i>Attitudes – A</i>)
--	---	------------------------------------	-----------------------------------

Ketiga-tiga elemen ini pula mempunyai hubungan dengan beberapa istilah di dalam Klasifikasi Objektif Pembelajaran atau *Classification of Educational Objectives* yang terdiri daripada domain-domain kognitif, psikomotor dan afektif (Forehand, 2010; Jamaludin et al., 2012).

Dalam konteks pendidikan, pengelasan ini dikategorikan kepada 3 komponen domain iaitu 1) domain kognitif, menyentuh kepada kawasan daya mental mencakupi pengukuran elemen pengetahuan; 2) domain psikomotor berkaitan pencapaian bagi kawasan kemahiran fizikal dengan gerak kerja *hands-on* anggota; dan 3) domain afektif yang bersifat pencapaian kawasan gerakan perasaan atau emosi (Bloom et al., 1956; Krathwohl et al., 1964; Simpson, 1966). Komponen kerohanian ini juga boleh dikaitkan dengan nilai akhlak, adab dan moral dalam diri pelajar (Baba, 2009).

ii) Domain Pembelajaran

Pengukuran pencapaian seimbang mengandungi kawasan-kawasan yang dicakupi supaya bukan sahaja memenuhi komponen kognitif sahaja, malah menyeluruh kepada komponen afektif dan psikomotor (Baba, 2006). *Jadual 2* menunjukkan domain-domain berkaitan yang wajar diperhatikan.

Jadual 2: Domain (kawasan) dalam Klasifikasi Objektif Pembelajaran (Bloom et al., 1956; Krathwohl et al., 1964; Simpson, 1966)

Domain Pembelajaran	Kognitif (<i>Kawasan Mental</i>)	Psikomotor (<i>Kawasan Kemahiran</i>)	Afektif (<i>Kawasan Kerohanian</i>)
---------------------	---------------------------------------	--	--

Kaedah pengukuran menyeluruh dan seimbang merangkumi komponen kognitif, psikomotor dan afektif. Dalam konteks pendidikan dalam negara, sebuah dasar pendidikan telah diperkenal dalam tahun 1988 dan kini dirujuk sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam tahun 1996 (Yieng & Hamzah, 2012; Nor et al., 2015).

iii) Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

FPK dibangunkan berasaskan kepada pegangan terhadap roh Agama Islam dengan mengutamakan pencapaian kerohanian. Falsafah direncanakan bagi melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (J.E.R.I) berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan (KPM, 2001; Ismail, 2015). *Jadual 3*, memaparkan unsur-unsur utama pencapaian seimbang yang dikehendaki dalam sistem pendidikan negara.

Jadual 3: Struktur keseimbangan nilai dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (KPM, 2001)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	Intelektual (I)	Jasmani (J)	Emosi (E)	Rohani (R)
--------------------------------------	-----------------	-------------	-----------	------------

Unsur Intelektual (I) menurut ahli ilmunan berkisar kepada suatu kecekapan atau kecerdasan berfikir dimiliki seseorang individu. Golongan cendekiawan dan ahli fikir ilmiah dihasilkan dari proses pembangunan pendidikan yang sinonim dengan para intelektual. Sifat daya fikir seseorang individu ini adalah terarah dan dominan kepada kecenderungan untuk berlakunya proses kemahiran berfikir (Yahaya et al., 2008; Darusalam et al., 2014).

Manakala Jasmani (J) pula diistilahkan sebagai jasad atau tubuh badan fizikal atau selain unsur rohani yang dapat dilihat dengan mata kasar serta mampu bergerak dan digerakkan. Jasmani mengalami proses pertumbuhan dan pengembangan yang boleh diukur. Dalam konteks pengembangan pendidikan ianya dapat dibuktikan sebagai aspek yang dizahirkan bagi pembuktian kompetensi individu. Jasmani juga adalah tempat letaknya juzud-juzud akal (unsur intelektual), emosi dan rohani yang bersifat *intrinsik* (Ariffin et al., 2009; Darusalam et al., 2014).

Unsur Emosi (E) merupakan perkara dihasilkan oleh situasi *fisiologi* yang menyebabkan muncul reaksi luaran atau reaksi jasmani. Menurut Marks (1982) emosi adalah perasaan yang melibatkan komponen kawalan sendiri (*self-control*) individu bagi menggambarkan unsur dalaman atau unsur *intrinsik*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Edisi ke-4 mencatatkan maksudnya sebagai ‘perasaan jiwa yang kuat’. Manakala Bandura (1977) pula menjelaskan emosi dijelmakan melalui reaksi tubuh badan, di mana sifat dan *intensiti* emosi berkaitan berkait rapat dengan minda (*domain kognitif*) dalam membuahkan satu persepsi mengenai sesuatu perkara atau peristiwa dialami.

Akhirnya adalah Rohani (R) iaitu suatu yang berlawanan dengan unsur jasmani. Unsur rohani bukan bersifat fizikal dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar manusia. Dalam Bahasa Melayu, rohani sinonim dengan istilah hati (*al-qalb*), jiwa, akal dan fikiran yang wujud menggantikan sifat peribadi yang unik antara satu sama lain (Sabiq, 2013). Mengutip penjelasan oleh Lebar (1999) dalam kajiannya mendapati beberapa ahli psikologis Barat seperti William (1960) dan Whittaker (1970) bersetuju dengan tulisan Imam al-Ghazali r.a. (1058 – 1111M) yang menyatakan bahawa “unsur rohani memberi cerminan kepada sifat jasmani menerusi cabang-cabang tingkah laku (*behavior*) dan aktiviti manusia yang diistilahkan sebagai ‘*psiko*’.

Oleh itu didapati bahawa FPK adalah sebuah iltizam ke arah pembentukan dan pengembangan nilai jasmani dan *spiritual* pelajar yang seimbang (al-Syaibani, 1991; KPM, 2001; Ismail, 2015). Persoalannya, adakah sistem pengukuran pencapaian pelajar dengan kaedah pentaksiran sektor PLTV seimbang?

Tujuan Penyelidikan

Tujuan kertas ini adalah bagi menjelaskan perspektif secara sorotan literasi mengenai sistem pengukuran pencapaian pelajar secara kaedah pentaksiran mempunyai keseimbangan dari sudut unsur jasmani dan spiritual dalam sektor PLTV.

Penyelidikan Terdahulu

Kaedah pentaksiran merupakan kemuncak kepada sistem penyampaian di dalam proses P&P (Alquraan, 2012). El-Kafafi (2012) menyatakan pentaksiran merupakan salah satu kaedah dalam menyokong kemajuan sistem penyampaian serta menyumbang kepada peningkatan kualiti dalam proses P&P dan menambahkan pencapaian pelajar.

Taksonomi Bloom diasas oleh Bloom et al., (1956) telah berjaya menjadi sebuah kerangka pengembangan kaedah pentaksiran di seluruh dunia, digunakan sebagai model penggubalan item soalan kepada pelajar (Zaidatun & Md Adzha, 2011; Ahmed et al., 2013; Fives & DiDonato-Barnes, 2013). Namun taksonomi ini digunakan dalam pengukuran yang seperti didominasi oleh komponen kognitif (Ahmed et al., 2013) dan kurang menyeluruh.

Kajian oleh Ferris dan Aziz (2005) pula telah menyenaraikan elemen-elemen penting berbentuk hiraki kebolehan asas kepada kebolehan tahap pakar yang dicadangkan apabila melaksanakan aktiviti mentaksir pelajar-pelajar sektor PLTV, di mana adaptasi telah dibuat ke atas domain psikomotor. Pengukuran sehalu kepada tahap kebolehan komponen praktikal dalam proses P&P.

Kajian Mamat dan Mokhtar (2009) melihat proses P&P kurang menitik-beratkan komponen afektif atau kerohanian dan kelihatan seperti dipinggirkan. Kebanyakannya mengukur afektif sebagai satu komponen kesempingan disediakan bersama pengujian praktikal, khidmat masyarakat, *team building*, sesi *ice-breaking* dan seumpamanya.

Kajian oleh Salleh et al. (2013) pula mengambil maksud penghayatan akidah yang apabila seseorang itu menjiwai dan berpegang teguh kepada kepercayaan dengan penuh kefahaman, perasaan serta diikuti dengan pengamalan dalam bentuk perbuatan selari dengan pegangan ilmu dipelajari. Beliau telah mengemukakan kerangka konstruk pengukuran instrumen kepada penghayatan akidah yang terdiri daripada ‘kefahaman’, ‘perasaan’ dan ‘amalan’.

Jadual 4: Instrumen Pengukuran kepada Penghayatan Akidah

Pengukuran kepada Penghayatan Akidah	Kefahaman (pengetahuan)	Perasaan (emosi)	Amalan (jasmani)
--------------------------------------	-------------------------	------------------	------------------

Keperluan kefahaman dalam membentuk kepercayaan yang jitu terhadap pegangan meningkat perasaan percaya untuk melakukan amalan (Salleh et al., 2013).

Al-Ghazali r.a. dalam kitab *Ihya Ulum ad-Din* menyifatkan pengembangan kerohanian adalah penting berbanding unsur-unsur lain dalam diri manusia. Beliau menyatakan bahawa sifat hati membentuk sikap yang akan dizahirkan sebagai adab dan akhlak (Al-Ghazali, 1990). Keteguhan hati (*al-Qalb*) menghasilkan insan yang beradab dan berakhlak tinggi dalam gerak kerja harian. Mengawal perasaan dan emosi membentuk sifat-sifat lahiriah yang dipandukan oleh hati dengan tindakan ilmu (akal) dipelajari. Keyakinan juga memberikan kesan dalam proses pembelajaran, kerana pembentukan kekuatan dan keteguhan ilmu yang dipelajari. Manakala kepercayaan terhasil daripada keyakinan pelajar dalam menerima ilmu pengetahuan sehingga meniskus ke dalam hati, dan menzahirkan dalam bentuk adab dan akhlak. Seterusnya insan digelar pelajar akan menyerap unsur-unsur *roh* iman, perasaan dan nilai-nilai murni dalam amalan kerja sehariannya (Al-Ghazali, 1990; Jahja, 2009).

Perbincangan

Kesepaduan dan keseimbangan nilai, unsur dan komponen seperti dipaparkan dalam *Jadual 1, 2, 3, 4* dan *5* menjadi solusi kepada persoalan berkaitan pengukuran pencapaian pelajar sektor PLTV dengan keseimbangan fizikal dan spiritualnya. Teoritikalnya dianggap mantap dan signifikan dengan unsur-unsur insan menurut Imam al-Ghazali r.a. (1058 – 1111M) seperti *Jadual 5* di bawah.

Jadual 5: Unsur-unsur Insan menurut al-Ghazali (Al-Ghazali, 1993)

Teologi al-Ghazali r.a. juzud Insan	Akal (<i>al-Aql</i>)	Jasmani (<i>al-Jasd</i>)	Hati (<i>a-Qalb</i>)	Nafsu (<i>an-Nafs</i>)	Ruh (<i>al-Ruh</i>)
-------------------------------------	------------------------	----------------------------	------------------------	--------------------------	-----------------------

Teologi al-Ghazali menunjukkan bahawa manusia terdiri daripada 5 juzud utama. Unsur yang harus dikenalpasti membentuk insan secara jasmani dan rohani. Secara teoritikalnya kelima-lima juzud oleh al-Ghazali r.a. adalah konsep yang wajar difokuskan kedalam proses P&P seperti dikehendaki dalam FPK.

Oleh itu, perbandingan matrik keseimbangan unsur insan dan komponen pembelajaran pelajar membawa kepada dapatan bersepadu dengan keseimbangan tersebut seperti dipaparkan *Jadual Matrik Keseimbangan Nilai*. Akhirnya membentuk satu konsep teoritikal kepada Model Pembangunan Kaedah Pengukuran/Pentaksiran pencapaian pelajar yang menyeluruh atau holistik dalam sektor PLTV.

Ubah suai keseimbangan seperti *Jadual 6* di atas membentuk pengembangan teoritikal kepada pengukuran pencapaian menyeluruh dan menjawab persoalan kepada solusi dalam pembangunan kaedah pentaksiran bagi mengukur pencapaian pelajar dengan nilai keseimbangan yang holistik dalam sektor PLTV.

Jadual 6: Matrik Keseimbangan Nilai Pembangunan Kaedah Pentaksiran Sektor PLTV

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	Intelektual	Jasmani	Emosi		
			Rohani		
Pengukuran Keberhasilan Pencapaian					
Domain Pembelajaran	Kognitif (Pengetahuan)	Psikomotor (Kemahiran)	Afektif (Sikap)		
Teologi al-Ghazali r.a.	Akal (<i>al-Aql</i>)	Jasmani (<i>al-Jasd</i>)	Hati (<i>a-Qalb</i>)	Nafsu (<i>an-Nafs</i>)	Ruh (<i>al-Ruh</i>)
Item Penghayatan	Kefahaman (pengetahuan)	Amalan (jasmani)	Perasaan (emosi)		

Secara keseluruhannya, nilai intelektual adalah kawasan tertinggi sebelum dijemakan di peringkat amalan jasmani dan segala amalan pula berpusat dari dalam hati (emosi dan rohani). Kompetensi selaku peninjauan bukti numerikal pencapaian jasmani, manakala hati mengawal akal (intelektual) dalam mengawal buruk baik amalan jasmani. Jadual Matrik Keseimbangan di atas membantu kajian dalam pencernaan membentuk model prototaip pengukuran (pentaksiran) pencapaian bercirikan nilai-nilai holistik kepada pelajar dalam kajian yang akan datang.

Perbincangan Dan Kesimpulan

Pengembangan potensi manusia berpunca dari proses P&P samada secara tidak formal mahupun formal. Pembangunan modal insan secara formal wajar menerusi proses P&P yang dirancang secara berstruktur. Potensi insan pula wajar dibangunkan secara menyeluruh dari segi jasmani dan rohani. Faktor jasmani merupakan item boleh lihat dengan mata kasar sebagai platform kepada komponen boleh ukur (*measurable*).

Matrik membawa kepada satu ilustrasi rajah yang dapat diperkembangkan kepada model prototaip bagi membentuk konseptual pentaksiran kompetensi menyeluruh. Pengamalan wajar melalui proses awal pemupukan ilmu, emosi dan rohani dan seterusnya diaplikasikan menerusi pengamalan jasmani dilaksanakan. Menurut al-Ghazali r.a. akal yang sihat adalah pengawal kepada hati (sebagai raja dalam jasad manusia) (Al-Ghazali, 1990).

Rujukan

- Ahmed, Aijaz, un-Nisa, Aziz, & Zarif, Tayyaba. (2013). Table of Specification Development and Usage: An Overview. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, Vol. 4(No. 12), pp. 354 - 361.
- Al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mu'minin* (Semait, S. A., Trans. Al-Qasimi, S. M. J. Ed. PN 1978 ed.). Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali. (1993). *Ihya Ulum al-Din (The Book of Worship Contents)* (Fazl-ul-Karim, Trans. 1st. ed. Vol. 1st.). Karachi, Pakistan: Darul Ishaat.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al- Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam* (Langgulung, H., Trans.). Shah Alam, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Alquraan, Mahmoud F. (2012). Methods of assessing students' learning in higher education: An analysis of Jordanian college and grading system. *Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues (Emerald Group Pub. Ltd.)*, 5(2), 124-133.
- Ariffin, Siti Rahayah, Ahmad, Abdul Ghafur, Din, Rosseni, & Ahmad, Jamil. (2009). *Pengajaran & Pembelajaran Holistik (PPH) Berteraskan Jasmani, Emosi, Rohani & Intelek (JERI): Perancangan & Pelaksanaan di Fakulti Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Sains Sosial - Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2009, Awana Porto Malai, Langkawi.
- Azman, Mohamed Nor Azhari, & Mustapha, Ramlee. (2014). *Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Pendekatan Penyelidikan, Analisis & Interpretasi*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Baba, Sidek. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Minda*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Baba, Sidek. (2009). The Integrated Approach in Malaysian Education - The International Islamic University Malaysia as a Model. *Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 13, Bil. 2*
- Bandura, Albert. (1977). Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, Vol. 84(No. 2), pp. 191-215.
- Bloom, Benjamin S., Engelhart, Max D., Furst, Edward J., Hill, Walker H., & Karthwohl, David R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives - Book 1 Cognitive Domain* (Bloom, B. S. Ed. Handbook 1 - Cognitive Domain ed.). London: Longmans, Green and Co. Ltd.
- Darusalam, Ghazali, Mamat, Wan hasmah Wan, & Hussin, Zaharah. (2014). Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia & Indonesia. In Mahdum, Mamat, W. H. W. & Zulfahmi (Eds.), (pp. pp 92 - 117). Riau, Indonesia: Badan Penerbitan Universitas Riau.
- Dreyfus, Stuart E., & Dreyfus, Hubert L. (1980). A Five-Stage Model of Mental Activities Involved in Directed Skill Acquisition (Operation Research Center, U. o. C., Trans.) (pp. 21). Berkely, US: Operation Research Center, University of California.
- Ecclestone, Kathryn. (2009). Instrumental or Sustainable Learning? The Impact of Learning Cultures on Formative Assessment in Vocational Education. 1-22.
- El-Kafafi, Siham. (2012). Assessment: The Road to Quality Learning. *World Journal of Science, Technology and Sustainable Development*, 9(2), 99-107.
- Ferris, Timothy L. J., & Aziz, S.M. (2005). A Psychomotor Skills Extension to Bloom's Taxonomy of Education Objectives for Engineering Education. *Exploring Innovation in Education & Research* (1 - 5 March 2005).
- Fives, Helenrose, & DiDonato-Barnes, Nicole. (2013). Classroom Test Construction: The Power of a Table of Spesifiacion (ToS). [A Peer-reviewed Electronic Journal]. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, Vol. 18(No. 3).
- Forehand, Mary. (2010, Sept., 25. 2012). Bloom's Taxonomy - Emerging Perspective on Learning, Teaching and Technology. Retrieved from http://projects.coe.uga.edu/epltt/index.php?title=Bloom's_Taxonomy
- Ismail, Saharia. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8(No. 2), pp. 83-99.
- Jahja, HM Zurkani. (2009). *Teologi al-Ghazali - Pendekatan Metodologi* (Wajidi, F. Ed.). Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.

- Jamaludin, Rozinah, Jaafar, Rogayah, & Kaur, Sarjit. (2012). Module 3: Learning Taxonomies: Centre for Development of Academic Excellence (CDAE), Universiti sains Malaysia (USM).
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). (2012). *Kod Amalan Pentauliahahan Program Kemahiran (KAPPK)*. Putrajaya: JPK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krathwohl, David R., Bloom, Benjamin S., & Masia, Bertram B. (1964). *Taxonomy of Educational Objectives - The Classification of Educational Goals* (Handbook II - Affective Domain ed.). London: Longmans, Green and Co. Ltd.
- Langgulong, Hasan. (2001). Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi. *Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9, Bil. 3* (Jun 2001).
- Lebar, Mohd Salleh. (1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Long, Martyn. (2000). *The Psychology of Education*. London & New York: RoutledgeFalmer, Taylor & Francis Group.
- Lynch, Brian K. (2001). Rethinking Assessment from a Critical Perspective. *Language Testing, Vol. 18*(No. 4), pp. 351 - 372.
- Mamat, Mohd Nor, & Mokhtar, Fattawi. (2009). Effective Instructional Design for Value Dominant Education in Public Universities Malaysia. *College Teaching & Learning Conference (TLC)*.
- Marks, Joel. (1982). A Theory of Emotion. *Philosophical Studies (Springer Link), Vol. 42*, pp. 227-242.
- Miller, M. David, Linn, Robert L., & Gronlund, Norman E. (2009). *Measurement and Assessment in Teaching* (10th. ed.). New Jersey, US: Pearson Education, Inc.
- Nor, Norshahida Md, Lubis, Maimun Aqsha, & Hamzah, Mohd Isa. (2015). *Perbezaan Antara Falsafah Pendidikan Islam Dengan Pendidikan Barat*. Paper presented at the The 8th International Workshop & Conference of ASEAN Studies in Islamic & Arabic Education & World Civilization (POLMED -UKM - STAI (Al-Hikmah, Medan)), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sabiq, Sayed. (2013). *Akidah Islam (Menurut Al-Quran dan Hadis)* (Bhd., R. B. S. B. P. S. S., Trans.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Salleh, Norsaleha Mohd, Tamuri, Ab Halim, & Amat, Salleh. (2013). Kesahan & Kebolehppercayaan Instrumen Penghayatan Akidah. *International Journal of Islamic Thought, Vol. 3*.
- Saunders, Mark N.K, Skinner, Denise, & Beresford, Richard. (2005). Mismatched Perceptions and Expectations: An exploration of stakeholders' view of key and technical skills in vocational education & training. *Journal of European Industrial Training, Vol. 29*(No. 4 of 5), p. 369.
- Simpson, Elizabeth J. (1966). *The Classification of Educational Objectives, Psychomotor Domain*. University of Illinois, Urbana, Illinois, US: US Department of Health, Education & Welfare, Office of Education, US.
- Unit Perancangan Ekonomi (UPE). (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) - Kertas Strategi 9: Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) untuk Memenuhi Permintaan Industri*. Putrajaya: UPE.
- Yahaya, Azizi, hashim, Shahrin, & Boon, Yusof. (2008). *Psikologi Pendidikan* (Edisi Pertama ed.). Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Yieng, Yek Lang, & Hamzah, Rohana. (2012). Integrasi Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik & Vokasional Ke Arah Memantapkan Persiapan Kerjaya. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Vol. 5*, pp. 35-40.

Zaidatun, Tasir, & Md Adzha, A. Manan. (2011). Pembangunan Sistem Pengujian Soalan Berasaskan Aras Kognitif Bloom bagi Topik Nisbah Tkt. Dua KBSM. *Journal of Educatiaonal Social Science*, Vol. 2, pp. 69 - 82.